

# Hari Keluarga UniMAP 2008 Meriah

Kira-kira 2,000 warga kerja Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bersama ahli keluarga masing-masing membanjiri Taman Tasik Jitra, Kedah, sempena program Hari Keluarga UniMAP 2008 pada 27 April 2008 lalu. Pelbagai acara menarik telah disediakan untuk mereka di sepanjang program selama sehari itu, antaranya pertandingan mewarna, pertandingan memancing, catur, bola jaring, sukan rakyat dan banyak lagi. Hari Keluarga UniMAP 2008 ini adalah anjuran Kelab Kakitangan Universiti ini. Program tersebut telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato`Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Dalam ucapan perasmiannya, Y.Bhg. Naib Canselor berkata, hari keluarga merupakan satu aktiviti sosial yang dapat menyemarakkan lagi semangat kekeluargaan dan kasih sayang di kalangan warga UniMAP dan juga antara ahli keluarga masing-masing. Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal serta pegawai-pegawai kanan universiti. Acara kemuncak pada hari tersebut adalah cabutan bertuah, di mana semua kakitangan berpeluang melakukan cabutan bertuah sendiri bagi mendapatkan hadiah masing-masing dan yang lebih menarik setiap staf yang hadir akan tetap membawa pulang hadiah.

